

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



**KEMAHIRAN MENULIS JAWAPAN PETIKAN SASTERA KBAT
MENGUNAKAN KAEDAH LATIH TUBI SOALAN BERULANG
MURID MENENGAH ATAS DI MAAHAD KAWALAN**

*THE SKILLS OF WRITING ANSWERS TO KBAT LITERARY TEXTS USING THE
METHOD OF DRILLING QUESTIONS FOR UPPER SECONDARY STUDENTS IN
MAAHAD KAWALAN*

Mohd Shafie Mohamad¹, Rozita Radhiah Said^{2*}, Azhar Md. Sabil³, Mohd Mursyid Arshad⁴

¹ Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
Email: cikgusha79@gmail.com.my

² Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
Email: Radhiahrozita@upm.edu.my

³ Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
Email: azhar.sabil@upm.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
Email: azizanas@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 04.10.2021

Revised date: 26.10.2021

Accepted date: 20.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Mohamad, M. S., Said, R. R., Md. Sabil, A., & Arshad, M. M. (2021). Kemahiran Menulis Jawapan Petikan Sastera Kbat Menggunakan Kaedah Latih Tubi Soalan Berulang Murid Menengah Atas Di Maahad Kawalan.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Kertas soalan bahasa Melayu terbahagi kepada dua iaitu kertas 1 dan kertas 2 di mana kedua-dua kertas ini memerlukan jawapan ditulis dalam bentuk esei. Bahagian petikan sastera merupakan bahagian soalan yang wajib dijawab oleh murid dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperuntukan 13 markah untuk 4 soalan dan dua daripadanya ialah soalan berbentuk KBAT. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melatih kemahiran murid menulis jawapan KBAT menggunakan kaedah latih tubi soalan berulang bahagian petikan sastera untuk murid menengah atas. Selain itu, Membandingkan jawapan murid dalam empat bahagian soalan petikan sastera kertas bahasa Melayu dua (1103/2) sebelum dan selepas ujian pasca latih tubi (Soalan Berulang) digunakan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes (Analisis Dokumen). Proses pengumpulan data menggunakan ujian pra dan ujian pasca untuk 5 tingkatan di Maahad Kawalan. Kajian mendapati markah ujian pra daripada 10 orang murid yang diambil

International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (44), 95-110.

DOI: 10.35631/IJEPC.644008

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



secara rawak daripada 5 tingkatan, 3 daripada mereka berada pada tahap lemah dan 7 orang murid berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun setelah 6 sesi latih tubi diadakan pengkaji mendapati prestasi murid dalam ujian pasca meningkat di mana 2 orang murid berada pada tahap sederhana dan 8 orang murid mencapai tahap baik dalam penguasaan kemahiran menulis soalan petikan sastera. Hal ini membuktikan bahawa murid yang dilatih dengan kaedah latih tubi soalan berulang dapat menguasai penulisan jawapan kerana pengaruh perbincangan jawapan yang menekankan kata kunci dalam setiap soalan. Dalam pada itu, guru masih perlu mendedahkan murid dengan penggunaan tanda baca dan penggunaan penanda wacana yang tepat dalam setiap bahagian jawapan.

Kata Kunci:

Kemahiran Menulis, Latih Tubi, Petikan Sastera, Soalan KBAT, Soalan Berulang, Menengah Atas.

Abstract:

The Bahasa Melayu question paper is divided into two papers (Paper 1 and Paper 2), with both papers require written essay responses. The literature section is the part of the questions that students are required to answer in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) exam. There are 13 marks awarded for 4 questions, two of them are questions in the form of KBAT. The aim of this study was to improve secondary school students' skills in writing KBAT answers using drill method. In addition, the researchers compared students' responses to four parts of the questions in the literature section of Bahasa Melayu Paper 2 (1103/2) before and after the drilling method. This study used a qualitative approach in the form of a case study (document analysis). In data collection, 5 classes in Maahad Control were subjected to pre-test and post-test. The study revealed that the pre-test scores of 10 students randomly taken from 5 classes, 3 of them were at the weak level and 7 students were at intermediate level. However, after 6 drilling sessions, the researcher found that the performance of the students improved in the post-test. 2 students reached an intermediate level and 8 students reached a good level in answering literature questions. This proves that students trained with drill method mastered the techniques of answer writing due to the influence of answer discussion which highlights the key words in each question. Meanwhile, teachers still need to guide students on punctuation and the use of appropriate cohesive devices in each part of the answer.

Keywords:

Writing Skills, Drills, Literary Texts, KBAT Question, Drilling Question And Upper Secondary.

Pengenalan

Kemahiran menulis yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu merupakan komponen yang dibangunkan selari dengan kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan bertutur dalam Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP-KSSM) yang digunakan


dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran (SPM) 2021. Justeru semua bahagian soalan dalam kertas bahasa Melayu 2 turut diubah untuk memenuhi Standard Kandungan untuk kemahiran menulis iaitu 3.1 dan Kandungan Asas 3.1.1 dalam Dokumen Penjajaran Kurikulum Bahasa Melayu Edisi 2. Soalan 7 petikan sastera dalam kertas soalan bahasa Melayu 2 bahagian B memberi cabaran kepada murid untuk menguasai kemahiran menulis jawapan berpandukan teks sastera seperti puisi moden dan puisi tradisional. Soalan bahagian ini memperuntukkan 13 markah dengan pecahan empat soalan dan dua daripadanya ialah soalan berbentuk KBAT. Oleh itu, pengajaran guru memainkan peranan penting untuk membantu murid menguasai kemahiran menulis jawapan yang tepat dengan kehendak soalan. Konstruk pentaksiran untuk kertas bahasa Melayu 2 ialah memahami, mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta. Proses pengajaran yang menekankan kepada latihan yang berterusan akan membantu murid membiasakan diri dengan kaedah dan jumlah jawapan yang perlu diberikan dalam setiap soalan. Menurut Noriati A.rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2017) guru perlu melakukan proses pemahaman yang mendalam untuk membolehkan murid menguasai sesuatu isi pelajaran dan ditambah dengan pembelajaran aktif, iaitu murid terlibat dalam aktiviti perbincangan, latih tubi dan ujian pengesanan untuk membantu mereka lebih mudah faham dan menguasai isi pengajaran. Sesuatu pembelajaran dianggap berkesan jika murid memahami dan menggarap konsep secara menyeluruh dan mendalam soalan bahagian petikan sastera. Pemahaman konsep, fakta dan maklumat akan menjadi asas kepada pembelajaran yang lebih kompleks dan dapat di aplikasi kepada situasi lain untuk kertas soalan Bahasa Melayu 2 menengah atas.

Permasalahan Kajian

Murid yang bakal menduduki peperiksaan sijil Pelajaran Malaysia untuk kertas bahasa Melayu perlu didedahkan dengan persediaan dan kemahiran dalam semua bahagian terutama bahagian B yang terkandung soalan Petikan Sastera dengan peruntukan markah sebanyak 13 markah. Menurut Tuan Rahayu Tuan Lasan, Mohd Aderi Che Noh dan Mohd Isa Hamzah (2017) mendapati untuk menguasai KBAT penekanan dan pendedahan perlu diberikan kepada setiap murid untuk persediaan dan kemahiran menjawab soalan KBAT dengan tepat. Namun begitu pembelajaran berunsurkan KBAT tidak ditekankan malah lebih tertumpu kepada pengajaran yang berasaskan soalan dan tidak terkandung untuk penambahan pengetahuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah bahasa Melayu.

Kaedah latih tubi boleh membantu murid mengingati teknik menulis dan menyatakan isi jawapan dengan betul dan memperoleh markah cemerlang untuk soalan 7 bahagian petikan sastera, walau bagaimanapun, sebahagian murid tidak dapat menguasai menulis jawapan yang tepat untuk soalan (i) maksud literal atau maksud perkataan yang berhuruf condong dalam petikan yang diberikan. Hal ini berlaku kerana murid tidak mengetahui maksud perkataan tersebut mengikut penggunaan dalam sesuatu ayat. Mereka lebih tertumpu untuk memberi maksud dalam bentuk ayat yang membezakan definisi sahaja. Hal ini membimbangkan guru mata pelajaran kerana murid tidak dapat menyatakan maksud perkataan yang diberikan dengan tepat berdasarkan kefahaman mereka ketika membaca petikan sastera yang diberikan. Merujuk kepada kertas jawapan peperiksaan penggal pertama ramai dalam kalangan murid tidak mendapat markah penuh untuk bahagian ini

kerana terbatas dalam menulis huraian jawapan dan memberi jumlah jawapan yang mencukupi mengikut keperluan skema.



Gambar 1.0

Selain itu, berdasarkan Format Pentaksiran mulai tahun 2021 (KSSM), Lembaga Peperiksaan Malaysia telah memasukkan dua soalan KBAT yang memerlukan murid berfikir di luar kotak pemikiran mereka untuk menulis jawapan yang tepat berdasarkan kata kunci soalan yang dinyatakan dalam setiap soalan. Namun begitu, murid tidak dapat memberi tiga jawapan yang tepat dengan situasi yang ditanya dalam soalan. Ayat yang dibina juga tidak gramatis daripada segi perkataan yang digunakan dan kesalahan tatabahasa yang ketara. Soalan (iii) dan (iv) merupakan soalan pendapat dan sistem pemarkahan menetapkan markah boleh diberikan jika jawapan adalah relevan dengan kehendak soalan. Masih terdapat sebahagian murid menulis jawapan dalam bentuk nota ringkas dan menggunakan tanda sempang (-) pada permulaan jawapan walaupun diterangkan bahawa jawapan perlu ditulis dalam bentuk esei.

Menurut Yahya Otahman dan DK. Suzanawati PG. Osman.(2014) mendapati kemahiran menulis jawapan murid boleh ditingkatkan dengan keupayaan kemahiran menulis menggunakan risalah dan akhbar untuk menambah pengetahuan mereka. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak digunakan di Maahad kawalan kerana murid dilatih dengan teknik hafazan untuk menguasai sesuatu isi pembelajaran. Pendekatan ini mengakibatkan murid tidak boleh berfikir secara spontan untuk memperoleh jawapan KBAT yang sesuai dengan kata tugas dalam soalan.

(iii) Usaha untuk membentuk seseorang remaja agar menjadi modal insan yang berkualiti bukanlah suatu usaha yang mudah serta memerlukan peranan daripada pelbagai pihak terutamanya ibu bapa.

KBA

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan ibu bapa untuk melahirkan modal insan yang berkualiti? [3 markah]

(iv) Guru kelas anda telah memilih dan mencalonkan anda untuk menerima anugerah ikon murid cemerlang peringkat sekolah memandangkan anda merupakan murid cemerlang dalam bidang kurikulum, kokurikulum, dan sahsiah di sekolah anda.

KBA

Apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil sebagai persediaan bagi pencalonan anugerah tersebut? [4 markah]

Gambar 2.0**Objektif Kajian**

1. Melatih kemahiran murid menulis jawapan KBAT menggunakan kaedah latih tubi soalan berulang bahagian petikan sastera untuk murid menengah atas.
2. Membandingkan jawapan murid dalam empat bahagian soalan petikan sastera kertas bahasa Melayu dua (1103/2) sebelum dan selepas ujian pasca latih tubi (Soalan Berulang) digunakan.

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah kaedah latih tubi soalan berulang diaplikasikan dalam proses pembelajaran murid menengah atas untuk menguasai soalan KBAT bahagian petikan sastera?
2. Apakah markah yang diperoleh murid dalam ujian pasca membuktikan peningkatan kemahiran menulis jawapan untuk keempat-empat soalan dalam bahagian petikan sastera kertas bahasa Melayu setelah menggunakan kaedah Latih tubi soalan berulang?

Kajian Literatur

Pelbagai kajian dijalankan berkaitan dengan rangsangan dan kaedah yang dapat meningkatkan keupayaan murid menguasai kemahiran menulis. Penguasaan ini penting kerana 100% soalan kertas bahasa Melayu memerlukan jawapan dalam bentuk penulisan yang menekankan penggunaan ayat yang gramatis. Justeru, kaedah latih tubi bukan perkara baharu untuk

meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran sesuatu mata pelajaran terutama subjek yang berkaitan dengan peperiksaan utama. Kaedah ini popular dalam kalangan guru di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah bila hampir dengan waktu peperiksaan sebenar. Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Empat, latih tubi bermaksud satu latihan dan tunjuk ajar yang diulang-ulangi untuk menjadikan seseorang itu benar-benar mahir. Perkara ini dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahya dan Chu Siew Pang (2017) bahawa latih tubi merujuk kepada kaedah pengajaran guru yang menggunakan aktiviti pengulangan soalan yang sering dikeluarkan dalam peperiksaan lepas bertujuan untuk meningkatkan taraf penguasaan murid terhadap kemahiran menjawab soalan mengikut kehendak dan format yang ditetapkan. Manakala, Aina Syuhada Anuar dan Mek Yam Yusof (2016), menegaskan bahawa kaedah latih tubi mampu membantu guru dan murid-murid meningkatkan penguasaan sesuatu kemahiran serta merangsang fokus murid daripada gangguan persekitaran. Selain itu, kaedah ini boleh dilakukan dalam pelbagai pendekatan sama ada secara individu atau berkumpulan. Kaedah latih tubi bukan sahaja bertujuan untuk meraih kecemerlangan semata – mata malah, berperanan untuk mengelakkan kebosanan terhadap pengajaran guru.

Dalam menerapkan kemahiran menjawab soalan KBAT kemahiran pembelajaran abad ke 21 menjadi elemen penting untuk membuka minda murid mengetahui sesatu ilmu baharu. Menurut Ellyza Karim (2019) menyatakan amalan pendidikan pada masa kini tidak lagi tertumpu kepada peperiksaan semata-mata tetapi perlu berubah kepada berorientasikan perkembangan untuk kemenjadian murid. Kenyataan ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) mendapati guru menunjukkan pandangan yang positif dalam amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkait rapat dengan PAK 21 kerana terdapat banyak manfaat untuk menarik minat murid dalam pembelajaran dan membantu mereka menguasai kemahiran KBAT menulis jawapan dan huraian dengan yakin terutama berkaitan dengan kemahiran menulis. Kedua-dua kajian ini telah mendorong pembelajaran murid yang perlu dipelbagaikan dengan pendekatan dan kaedah untuk menggalakkan dan meningkatkan kesediaan murid sebelum menghadapi peperiksaan sebenar.

Soalan bahagian petikan sastera telah dibentangkan kepada semua guru mata pelajaran bahasa Melayu sebagai panduan dan maklumat umum mengikut Format Pentaksiran SPM mulai tahun 2021 untuk kertas bahasa Melayu 2 (1103/2) soalan 7. Tujuan utama dua soalan KBAT diletakkan dalam bahagian ini adalah untuk memenuhi konstruk kemahiran membaca iaitu, memahami, mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta. Perkara ini terkandung dalam Empat Elemen Utama membudayakan KBAT di Sekolah yang dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014). Elemen membudayakan KBAT di sekolah dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamad (2018) mendapati penguasaan KBAT mata pelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid berada pada tahap yang memuaskan kerana perbezaan jenis sekolah. Mereka turut mencadangkan guru bahasa Melayu perlu melengkapkan diri mereka dengan tanda aras yang baik untuk terus mengaplikasikan elemen KBAT dalam PdPc. Menurut Mohamad Nizam Arshad dan Abdul Halim Abdullah (2014), reka bentuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) merubah peranan untuk tidak lagi meramalkan soalan dan topik yang akan dikeluarkan dalam

peperiksaan sebenar. Sebaliknya, pelaksanaan kaedah latih tubi merupakan kaedah yang terbaik untuk menguasai topik yang disenaraikan mengikut format pentaksiran (KSSM) mulai 2021. Justeru, sebagai guru mereka berperanan untuk menerapkan elemen KBAT untuk penyelesaian masalah dalam kalangan murid supaya seiring dengan elemen ketiga pembudayaan elemen KBAT di semua sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kemahiran membaca juga menjadi faktor utama kepada setiap murid untuk menguasai soalan KBAT. Murid yang dapat menguasai kemahiran tersebut akan mudah untuk mendapatkan jawapan yang tepat dengan kata kunci dalam soalan selain mengesan kata tugas yang sebagai panduan utama menjawab soalan dalam bahagian petikan sastera. Menurut Usha Nagasudram dan Vilayaletchumy Subramaniam (2019). Mendapati 72 peratus murid sedar akan kepentingan membaca kerana dapat membantu meningkatkan kefahaman mereka untuk memahami kandungan teks kertas soalan dengan jelas di samping memudahkan mereka menjawab soalan peperiksaan. Justeru, kaedah latih tubi akan mendekatkan minda murid dengan memahami kandungan bahan rangsangan dan soalan dalam setiap kertas soalan yang diberikan serta memberi pengalaman dalam konteks kepelbagaian konsep soalan yang dikeluarkan dalam peperiksaan sebenar. Kenyataan dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Cathrine binti Masingan dan Prof. Madya Dr. Sabariah Bte Sharif (2019). Menekankan kepelbagaian kaedah pembelajaran dalam bilik darjah perlu dilaksanakan untuk mengoptimumkan hasil penguasaan murid dalam sesuatu tajuk yang didedahkan supaya mereka dapat membuktikan hasil tersebut melalui jawapan yang diberikan dalam peperiksaan.

Kaedah Latih Tubi Soalan Berulang

Soalan berulang merupakan himpunan soalan untuk bahagian petikan sastera yang dipilih oleh guru berdasarkan format pentaksiran 2021. Soalan ini dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti puisi moden, puisi tradisional, prosa tradisional dan prosa moden yang dihimpunkan dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul edisi Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Beberapa set soalan telah diberikan kepada murid dalam sesi pembelajaran untuk memperbaiki kelemahan jawapan mengikut kata kunci yang ditetapkan dalam setiap soalan terutama soalan (iii) dan (iv) yang berbentuk soalan KBAT. Semasa ujian pra murid tidak diajar tentang teknik menjawab mengikut format soalan berpandukan format pentaksiran SPM 2021. Walau bagaimanapun berbeza dengan sesi latih tubi di mana murid didedahkan terlebih dahulu dengan format menjawab dan contoh jawapan dipamerkan mengikut kehendak skema pemarkahan. Selepas itu, murid diberi set soalan dan mereka perlu menjawab dalam masa yang telah ditetapkan. Guru membuat perbincangan jawapan soalan selepas waktu menjawab tamat sambil murid menyemak jawapan yang mereka nyatakan menggunakan Google Meet.

Rubrik Petikan Sastera

Soalan bahagian ini merupakan soalan yang wajib dijawab oleh calon SPM bermula 2021 dengan format pentaksiran yang baharu mengikut KSSM. Soalan ini diletakkan dalam bahagian 7 daripada 8 bahagian dalam kertas soalan bahasa Melayu 2. Markah yang diperuntukkan secara keseluruhan untuk bahagian ini ialah sebanyak 13 markah. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)

belum mengeluarkan sistem pemarkahan yang tepat untuk proses pentaksiran. Namun, taklimat awal dan rangka pemarkahan diambil daripada Unit Peperiksaan Sekolah sebagai rujukan.

Jadual Panduan Pemarkahan Bahagian Petikan Sastera Markah Mengikut Pecahan Soalan

1. Memberi maksud rangkai kata bahan yang berkaitan berdasarkan konteks ayat dan petikan tersebut sesuai secara keseluruhan.
2. Rangkai kata mestilah ditulis menggunakan perkataan sendiri.
3. Jawapan untuk soalan (iii) calon perlu menyatakan pendapat atau pandangan berkaitan dengan isu yang dikemukakan dalam soalan.
4. Bagi soalan (iv) calon perlu mengemukakan jawapan dalam bentuk penyelesaian masalah untuk permasalahan yang diberikan dan menjawab kepada kata kunci dalam soalan.
5. Jawapan perlulah logik dan rasional untuk menjawab masalah yang dikemukakan.
6. Penggunaan penanda wacana memperlihatkan kesinambungan antara satu dengan isi yang lain.
7. Jumlah isi sesuai dengan jumlah markah yang diperuntukkan.
8. 1 markah untuk jawapan yang tepat dan pemeriksa boleh menerima jawapan selain dalam skema pemarkahan sekiranya tepat.
9. ½ markah akan ditolak untuk kesalahan tatabahasa.

Jadual 1.0

Sumber : Dokumen Pentaksiran KSSM 2021 (LPM)

Jadual Skala Markah LPM Bahagian Petikan Sastera

Soalan	Markah
Soalan (i) Maksud Literal	2
Soalan (ii) beza banding semula bahan (4M)	4
Soalan (iii) KBAT Pemikiran Kritis.	3
Soalan (iv) KBAT.Penyelesaian masalah. (4M)	4
Jumlah	13

Jadual 2.0

Sumber : Skema Pemarkahan Unit Peperiksaan Yayasan Islam Kelantan

Skala Markah dan Tahap Penguasaan

Bil	Markah	Tahap Pencapaian
1	1 sehingga 4	lemah
2	5 sehingga 8	Sederhana
3	9 sehingga 11	Baik
4	12 sehingga 13	Cemerlang

Jadual 3.0

Sumber : Skema Pemarkahan Unit Peperiksaan Yayasan Islam Kelantan

Teori Kajian

Pengkaji mendapati kajian ini lebih berfokus kepada latihan pengulangan soalan untuk membolehkan kognitif murid berfungsi hasil daripada latihan yang diterima melalui proses latih tubi. Justeru, Teori Perlaziman Opera E.L Thorndike dijadikan panduan dalam kajian ini. Teori ini menekankan tiga proses utama dalam pengajaran guru iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan yang berpusatkan kepada rangsangan sebagai penggerak untuk menghidupkan ketiga-tiga hukum. Pada permulaan guru memberi soalan untuk menguji pengetahuan dan keupayaan murid menguasai kemahiran menulis jawapan petikan sastera kemudian guru menyemak kertas jawapan murid untuk mencari kaedah yang sesuai digunakan dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan menjawab soalan KBAT petikan sastera. Guru memilih untuk menggunakan pendekatan hukum latihan dalam melihat gerak balas murid melalui beberapa kali proses pengulangan soalan dalam bentuk format yang sama. Penekanan terhadap kata kunci dalam soalan menjadi keutamaan guru supaya murid tidak terpesong dalam menyatakan jawapan mengikut kehendak soalan. Kesannya, pembelajaran mula menyeronokkan kerana murid berupaya menguasai dan memahami akan konsep soalan dan memungkinkan gerak balas itu berulang.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Kualitatif dengan reka bentuk kajian kes dan instrumen kajian menggunakan dokumen analisis untuk pengumpulan data. Menurut Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof dan Zaridah Ramli (2014) data berbentuk dokumen dapat menyediakan maklumat kepada pengkaji yang boleh dirujuk daripada bahan seperti rekod murid, markah peperiksaan, laporan tahunan, minit mesyuarat, jadual kehadiran, kertas kerja, proposal dan lain-lain catatan yang berkaitan untuk mengukur kejayaan sesuatu kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan soalan petikan sastera untuk mengukur keupayaan murid menulis jawapan di mana 6 set soalan latih tubi dalam pelbagai genre diberikan kepada murid dalam setiap sesi latih tubi yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pengkaji menjalankan ujian pra terlebih dahulu untuk melihat kebolehan murid menjawab soalan bahagian petikan sastera. Selain itu, Kertas jawapan murid dipungut dan disemak serta dicatat markah yang diperolehi mereka untuk dibandingkan dengan markah ujian pasca. Seterusnya, pengkaji menjalankan 6 sesi latih tubi menggunakan *Google Form* seperti tarikh berikut :

Jadual Latih Tubi Soalan Berulang

4/8	5/8	11/8	12/8	17/8	18/8
Melibatkan 5 tingkatan : 4K1,4K4,4A1,4A2 dan 4A3					

Jadual 4.0

Setelah sesi latih tubi soalan berulang dijalankan sepenuhnya pengkaji melakukan ujian pasca untuk melihat keberkesanan kaedah yang diperkenalkan dalam meningkatkan kemahiran murid menulis jawapan untuk bahagian petikan sastera. Dalam pada itu, pengkaji turut mengumpul dan menyemak semua kertas jawapan murid untuk 5 tingkatan yang dinyatakan seperti dalam jadual di atas dan markah yang diberikan berpandukan Dokumen Pentaksiran KSSM 2021. Markah murid direkodkan bertujuan untuk dibandingkan dengan dapatan ujian pra. Kaedah pengumpulan data ini berpandukan kenyataan oleh Webb, Campbell, Schwartz & Sechrest, 1966 dalam Ruzlan Md Ali, Fahainis Mohd Yusof dan Fauziah Shaffie (2018) dokumen boleh membekalkan banyak maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Dokumen yang dipilih untuk digunakan perlulah berkaitan dengan tajuk kajian kerana bahan tersebut penting untuk memahami tujuan. Data diproses menggunakan kaedah melakukan semakan kertas jawapan murid kemudian menyusun dan membuat indeks ke atas data untuk memudahkan pengkaji mendapatkan data yang diperlukan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

<i>Ujian dan Pengujian Objektif</i>	<i>Strategi</i>	<i>Tahap Kajian dan Tarikh</i>
<i>Kebolehpercayaan</i>	<ul style="list-style-type: none"> Menghuraikan tentang teori Mengikut etika kajian. Menyediakan data lengkap peserta kajian. 	<ul style="list-style-type: none"> Mereka bentuk kajian Proses mengumpul maklumat Menulis pelaporan lengkap
<i>Kesahan Konstrak</i>	<ul style="list-style-type: none"> Proses pengumpulan data iaitu, analisis dokumen. Menjalan 6 sesi latih tubi menggunakan set soalan Antologi Jacket Kulit Kijang Dari Istanbul (KPM). Skema pemarkahan merujuk kepada Dokumen Format 	<ul style="list-style-type: none"> Berfokus kepada pengumpulan maklumat kajian. Tema soalan dibina berdasarkan 6 puisi : <ul style="list-style-type: none"> <i>Sajak Sang Gembala Kuda</i> <i>Sajak Gelanggang</i> <i>Syair Bidasari</i> <i>Gurindam Dua Belas (Fasal 3)</i> <i>Sajak Aku Membaca Lagi</i> <i>Sajak www.Sibermerdeka.com.my.</i>

Kesahan Dalaman

- Pentaksiran SPM 2021.(cadangan)
- Berpandukan Pentaksiran DSKP-KSSM 2021 BM (1103/2)
 - Menyemak kertas jawapan murid berpandukan Skema Pemarkahan (LPM-cadangan).
 - Melakukan 6 kali latihan tubi (soalan berulang) menggunakan **Google Form** dalam masa 20 minit untuk setiap sesi latihan tubi.

- Mereka bentuk kajian
- Proses mengumpul maklumat
- Menulis pelaporan lengkap
- Tarikh latihan tubi (soalan berulang):

Tahun 2021

4/8	5/8	11/8	12/8	17/8	18/8
Melibatkan 5 tingkatan : 4K1,4K4,4A1,4A2 dan 4A3					

Jadual 5.0

SOALAN 7 (Petikan Sastra)					
Calon dan Tingkatan	Soalan (i) Maksud Literal 2 (M)	Soalan (ii) beza banding semula bahan 4 (M)	Soalan (iii) KBAT Pemikiran Kritis. 3 (M)	Soalan (iv) KBAT.Penyelesaian masalah. 4 (M)	Jumlah Markah
Murid 1 4K1	0	1	2	1	4
Murid 2 4K1	0	2	2	1	5
Murid 3 4K4	1	2	2	0	5
Murid 4 4K4	1	1	2	2	6
Murid 5 4A1	0	1	1	2	4
Murid 6 4A1	0	2	1	2	5
Murid 7 4A2	1	2	1	2	5
Murid 8	0	1	1	2	4

4A2					
Murid 9 4A3	0	2	2	2	6
Murid 10 4A3	1	1	2	2	6

Jadual Markah Ujian Pra Petikan Sastera
Jadual 6.0

Dapatan Kajian

Keputusan Ujian Pra

Pada peringkat awal pengkaji telah menjalankan ujian pra untuk 5 tingkatan bagi melihat kebolehan murid menjawab soalan petikan sastera yang merangkumi 4 soalan dan 2 daripadanya ialah soalan berbentuk KBAT. Berdasarkan kepada keputusan semakan kertas jawapan murid pengkaji mendapati tiga orang murid dari tingkatan 4K1(1), 4A1(5) dan 4A2(8) masing-masing memperoleh 4 markah dan berada pada tahap lemah. Manakala, murid dari tingkatan 4K1(2), 4K4(3), 4A1(6) dan 4A2(7) juga menguasai jawapan pada tahap sederhana. Selain itu, terdapat 3 orang murid yang memperoleh 6 markah dari tingkatan 4K4(4), 4A3(9) dan 4A3(10) juga dalam skala sederhana. Data daripada analisis markah ujian pra menunjukkan kelemahan murid dalam menjawab soalan (i) dengan memberi maksud literal perkataan berhuruf condong dalam petikan dan hanya 4 orang daripada mereka memperoleh 1 markah manakala, selebihnya mendapat kosong markah. Pengkaji juga, mendapati calon tidak berjaya untuk menulis jawapan yang tepat berdasarkan kehendak soalan terutama untuk soalan (iii) dan (iv) disebabkan mereka hanya menulis 1 isi jawapan dan 2 isi jawapan dengan ringkas tanpa huraian yang lengkap. Hal ini menyebabkan markah ditolak kerana tidak relevan dengan peruntukkan markah yang akan diberikan oleh pemeriksa. Murid juga lemah dalam penggunaan penanda wacana yang sesuai untuk menyambung isi malah ada dalam kalangan mereka tidak menjawab dalam bentuk huraian perenggan.

Jadual Markah Ujian Pasca Petikan Sastera**Jadual 7.0**

SOALAN 7 (Petikan Sastera)					
Calon dan Tingkatan	Soalan (i) Maksud Literal 2 (M)	Soalan (ii) beza banding semula bahan 4 (M)	Soalan (iii) KBAT Pemikiran Kritis. 3 (M)	Soalan (iv) KBAT.Penyelesaian masalah. 4 (M)	Jumlah Markah
Murid 1 4K1	2	4	2	3	11
Murid 2 4K1	1	3	2	3	9
Murid 3 4K4	2	3	2	4	11
Murid 4 4K4	1	3	2	4	10
Murid 5 4A1	2	3	3	3	11
Murid 6 4A1	2	4	2	3	11
Murid 7 4A2	1	3	1	2	7
Murid 8 4A2	1	3	2	3	9
Murid 9 4A3	1	3	4	3	11
Murid 10 4A3	0	3	3	2	8

Keputusan Ujian Pasca

Berdasarkan ujian pasca yang dijalankan pengkaji mendapati perubahan markah yang menunjukkan peningkatan markah untuk soalan KBAT (iii) dan (iv). Skor untuk jumlah markah 2 orang murid berada pada tahap sederhana dan 8 orang murid berada pada tahap baik dalam menguasai kemahiran menulis jawapan soalan dalam petikan sastera. Data juga menunjukkan penguasaan untuk soalan 1 mempamerkan peningkatan di mana murid dapat memperoleh sekurang-kurangnya 1 markah dan hanya sorang sahaja murid mendapat kosong berbanding ujian pra yang dijalankan sebelum ini. Terdapat 6 orang murid mendapat kosong markah. Hal ini telah membuktikan bahawa kaedah latih tubi soalan berulang membantu murid meningkatkan kemahiran menulis jawapan untuk petikan sastera dengan menjana markah yang lebih munasabah mengikut aras soalan.

Kaedah ini juga menjawab kepada teori yang digunakan sebagai panduan asas dalam mengukur tiga hukum iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan yang dapat dibuktikan melalui markah ujian pasca. Hasil daripada semakan kertas jawapan murid pengkaji menemui kesalahan dalam penggunaan huruf kecil di permulaan ayat dan selepas tanda baca. Selain itu, markah terpaksa ditolak kerana kesalahan penggunaan penanda wacana yang kurang tepat di samping jawapan yang tidak relevan dan tidak selari dengan skema jawapan. Hal ini telah menyebabkan murid sukar untuk memperoleh skor pada tahap cemerlang.

Perbincangan

Sesuatu kaedah yang diperkenalkan oleh guru bukan untuk menyukarkan murid dalam menuntut ilmu malah, kaedah itu akan memberi kemahiran kepada murid menguasai sesuatu lapangan yang dipelajari. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Samsudin Othman (2013), guru perlu tahu menyesuaikan elemen kaedah dan teknik kerana perkara ini adalah khusus yang terdapat dalam sesuatu proses PdPc. Sekiranya guru gagal menguasai teknik yang ada dalam kaedah boleh menyebabkan objektif itu tidak akan berhasil. Selain itu, kemahiran berfikir murid adalah penting untuk mereka menguasai kemahiran menulis jawapan untuk soalan KBAT dalam petikan sastera kerana kedua-dua soalan ini memperuntukkan markah yang banyak. Bahagian ini tidak boleh dijarar dengan teknik hafalan kerana pengetahuan murid diuji dengan memberi jawapan diluar dari kotak pemikiran mereka. Kajian yang dijalankan oleh Lai Lee Chung, Chin Hai Leng dan Chew Fong Peng (2017) membuktikan bahawa murid yang menerima pengalaman daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat menghasilkan bentuk penulisan yang kreatif dan berkualiti.

Kaedah latih tubi (soalan berulang) bukan sahaja melatih murid membiasakan diri dengan soalan malah, murid boleh meramalkan bentuk jawapan yang boleh mereka jelas dalam setiap bahagian soalan petikan sastera. Selain itu, murid juga akan berhati-hati dalam mematuhi format yang telah diterangkan oleh guru berulang kali dalam sesi latih tubi terutama ketika melakukan semakan jawapan selepas sesi latih tubi. Merujuk kepada Siti Halijah Leun Geng (2016), dalam dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan peta konsep dalam pengajaran KOMSAS adalah lebih berkesan berbanding pengajaran secara konvensional. Hal ini membuktikan bahawa murid yang dilatih dengan kaedah latih tubi soalan berulang dapat menguasai penulisan jawapan kerana pengaruh perbincangan jawapan yang menekankan kata kunci dalam setiap soalan.

Kesimpulan

Pengkaji mendapati kaedah latih tubi berkesan dalam meningkatkan keupayaan murid menguasai kemahiran menulis jawapan untuk soalan (iii) dan soalan (iv). Murid juga dapat menguasai dengan mudah untuk soalan maksud literal dan beza banding semula soalan kerana keupayaan menjawab bergantung pada kefahaman bacaan murid itu sendiri. Walau bagaimanapun, dapatan kajian melalui markah ujian pasca menunjukkan murid tidak dapat memperoleh markah pada tahap cemerlang dan menunjukkan peningkatan daripada tahap lemah ke tahap sederhana dan baik. Pengkaji akan mendapatkan beberapa bentuk soalan petikan sastera untuk digunakan dalam sesi latih tubi sebelum peperiksaan sebenar bermula.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak.(2013).’ Interaksi Lisan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu ‘dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mei 2013,h. 42-51. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anasyuhada Anuar dan Mek Yam Yusof. (2016) ‘Penggunaan Kaedah Latih Tubi Dalam Memperbaiki Kemahiran Mencongklang Murid Tahun 2’ Pendidikan Jasmani. Jilid 28 Julai 2016, h 1-9. Batu Rakit : IPG Kampus Dato’ Razali Ismail.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). ‘Keberkesanan Peta Pemikiran Dalam meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6’ dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Jilid Mei 2017, h 44-55. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahya dan Chu Siew Pang. (2017). ‘ Kaedah Pengajaran Guru Dalam Penggunaan Alatan Tangan ‘ Dalam Jurnal Pendidikan. Skudai : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cathrine Binti Masingan dan Prof. Madya Dr.Sabariah BTE Sharif. (2019). ‘Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Reka Bentuk Teknologi (RBT) Sekolah Menengah’ dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Jilid 20 2019,h. 76-84. Putrajaya: Penerbit Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamad.(2018) ‘ Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu Melalui Teknik Penyoalan’dalam Jurnal Pendidikan. Jilid 8 Mei 2018, h. 1-12. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ellyza Kasim.(2019). ‘ Reka Bentuk Pembelajaran Dalam Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Yang bermakna Di IPG Kampus Pendidikan Teknik’ dalam Jurnal Refleksi Kepemimpinan. Jilid (ii) ISSN 2636 9885 2019. Nilai : Penerbit Jabatan Kecemerlangan Akademik IPG kampus Pendidikan Teknik.
- Jaya Masir, M. Isham Embong & Sharifah Abd.Rahman. (2021). *Rujukan Komprehensif dan Efektif Bahasa Melayu Tingkatan 4&5 KSSM*. Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd. Kementerian Pendidikan Malaysia.(2021). Dokumen Penjajaran Kurikulum Bahasa Melayu tingkatan 4. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2021). Dokumen Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4. Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Yusof & Zaridah Ramli. (2014). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias & Faizah Shamsudin. (2015). *Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu*. Selangor : Sasbadi Sdn. Bhd.
- Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng. (2017).’ Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan Dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif’ dalam Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil 4. Isu 1. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Mohamad Nizam Arshad dan Abdul Halim Abdullah. (2014) Julai 20. Menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Penyelesaian Masalah Matematik Tambahan: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Malaysia.
- Mohd Isham Embong et al., (2014). KOMSAS Antologi Jeket Kulit Kijang Dari Istanbul. Petaling Jaya : Sasbadi Sdn.Bhd.

- Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali. (2019). ‘ Amalan Dan Cabaran Pembelajaran Abad Ke 21. Kertas kerja yang disampaikan dalam Proceedings Of The International Conference On Islamic Civilization And Technology Management. Terengganu : Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Ruzlan Md. Ali, Fahanis M. Yusof & Fuziah Shaffie. (2018). *Pengumpulan Data Kualitatif dalam Penyelidikan*. Kual Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Uzairah M. Tobi et al.,(2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur : Aras Publisher Sdn. Bhd.
- Tuan Rahayu Tuan Lasan, Mohd Aderi Che Noh dan Mohd Isa Hamzah. (2017). ‘ Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam’ dalam Jurnal Pendidikan. Jilid 3(1) 2017, h 15-28. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Usha Nagasudran dan Vilayaletchumy.(2019). ‘Strategi Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid SJK(T)’ dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Jilid 20 2019,h 36-52. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zaidatun Tasir Dan Haslina Wahab. (2010). ‘ Pembangunan Perisian Latih Tubi Interaktif Matematik Tingkatan Dua KBSM Berasaskan Aras Kognitif Bloom ‘ Jilid Jun 2010. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).